

Headline	Ketagihan dadah bukan jenayah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Jan 2013	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	14	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	116 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 535
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,606



## Ketagihan dadah bukan jenayah

**SEMENYIH** - Orang ramai diminta mengubah persepsi bahawa ketagihan dadah merupakan satu bentuk jenayah kerana ia sebenarnya tergolong dalam kategori penyakit.

Presiden Persatuan Insaf Murni, Dr. Mohd. Khafidz Mohd. Ishak berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sendiri telah mendefinisikan ketagihan dadah sebagai satu penyakit otak berpanjangan yang berulang-ulang.

Jelasnya, ketagihan dadah menyebabkan satu bahagian dalam otak iaitu *opioid receptors* rosak sehingga menyebabkan penagih bergantung kepada dadah untuk menghilangkan ketagihan yang dihidapinya.

“Pengamal perubatan barat telah melakukan pelbagai kajian melalui imbasan imejan resonans magnetik (MRI) serta CT Scan dan terbukti bahagian dalam otak itu mengalami kerosakan.

“Jadi cara untuk menye-

lesaikan masalah itu ialah melalui kaedah perubatan kerana ketagihan dadah tiada bezanya dengan penyakit seperti kencing manis atau darah tinggi,” katanya kepada *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan perlu bergerak lebih proaktif untuk menangani gejala Human Immunodeficiency Virus (HIV) di negara ini.

Menurut beliau, pada tahun 2015, bilangan penagih yang menghidap HIV positif mungkin meningkat daripada 0.8 peratus bilangan penduduk negara ini kepada 11 peratus.

“Di Asia Pasifik sahaja mempunyai kira-kira tujuh juta pesakit HIV positif di kesan dan ia boleh meningkat sehingga 30 juta pada 2020 sekiranya tiada rawatan diberikan kepada mereka ini.

“Sekiranya ia berlaku, rantau ini akan mengambil alih daripada benua Afrika sebagai penyebar virus berkenaan,” ujar beliau.